



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Rabu, September 02, 2015

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

● ● | A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

Pelajar UPM Terima Dua Anugerah di Program MIT GSL Malaysia 2015

Oleh Dr. Hizmawati Madzin



CYBERJAYA - Pelajar Bacelor Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi dua anugerah di program 'MIT Global Startup Lab' (MIT GSL Malaysia) 2015, baru-baru ini.

Kumpulan pelajar itu, Anas Hasbullah, Daeng Bukhari, Abdul Ammar Rusydi dan Mohd Sharafat Shah memenangi 'Audience Choice Award' (RM1,500) dan 'Best Product Award' (RM3,000) untuk membawa pulang hadiah keseluruhan bernilai RM4,500.

Ketua kumpulan, Anas Hasbullah yang juga pelajar tahun akhir FSKTM berkata projek tersebut adalah inovasi bagi 'Queue Management System' iaitu 'Qtime' yang diubah menjadi satu sistem berasaskan web dan aplikasi mobile.



Kumpulan 'Qtime' daripada FSKTM, UPM merangkul dua anugerah bagi program MIT GSL 2015

"Objektif utama kami adalah untuk mengurangkan masa menunggu pelanggan. Pelanggan akan mendapat pesanan ke telefon pintar mereka apabila giliran mereka semakin hampir.

"Qtime adalah aplikasi mobile yang memberikan fungsi pengurusan sistem menunggu (QMS). Sistem ini akan memberi anggaran masa menunggu bagi pelanggan bermula dari masa mereka mengambil tiket sehingga masa dipanggil ke kaunter," katanya.

Pensyarah Kanan, Jabatan Multimedia, FSKTM, Dr. Hizma Madzin berkata program itu dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan, inovasi dan teknologi melalui inovasi serta kreativiti dalam membina teknologi relevan masa kini.

"Diharapkan program seperti ini akan mendapat penglibatan pelajar UPM dan melahirkan usahawan *young technopreneur* melalui kursus aplikasi mobile dan teknologi internet yang diperlukan di masa akan datang," katanya.

Program kolaborasi antara Massachusetts Institute of Technology (MIT) Global Startup Lab, Amerika Syarikat, Kementerian Pendidikan Malaysia, dan Talent Division, Multimedia Development Corporation (MDEC) itu diadakan selama tujuh minggu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dari 29 Jun hingga 14 Ogos lalu. - UPM

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat :
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 02 Sep 2015

